

# Tadbir Urus Korporat

Lembaga komited sepenuhnya dalam memastikan prinsip dan amalan terbaik dalam tadbir urus diguna pakai secara konsisten di dalam AMMB Holdings Berhad (AHB) dan di seluruh Kumpulan. Syarikat mematuhi Amalan Terbaik dalam Tadbir Urus Korporat seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.



## LEMBAGA PENGARAH

Lembaga mengawasi pengurusan keseluruhan perniagaan dan hal ehwal Kumpulan dengan matlamat meningkatkan nilai pemegang saham. Selain daripada menentukan strategi keseluruhan Kumpulan dan mengawasi Pengurusan Kanan Kumpulan, Lembaga kerap bermesyuarat untuk mengkaji perkara-perkara utama di bidang strategi, kewangan, struktur dan organisasi serta pembangunan perniagaan (tertakluk kepada perkara yang dirazabkan untuk mesyuarat pemegang saham mengikut undang-undang). Lembaga meluluskan pelan strategik Kumpulan dan pelan kewangan tahunan yang dibangunkan oleh pihak pengurusan Kumpulan dan mengkaji prestasi dan keberkesanan unit-unit perniagaan Kumpulan. Ia mengadakan garis panduan untuk keseluruhan perniagaan, polisi risiko dan kawalan, peruntukan modal dan meluluskan perubahan utama dalam aktiviti perniagaan Kumpulan, termasuk urus niaga pinjaman dan meminjam serta pembangunan perniagaan utama seperti pengambilalihan dan penghapusan perniagaan atau aset, pelaburan atau perniagaan baru, penggabungan, perkongsian perniagaan dan persekutuan serta juga menimbang perkara lain yang menjadi kepentingan strategik Kumpulan.

### a. Komposisi

Lembaga pada masa ini terdiri daripada sebelas (11) orang pengarah yang mempunyai kemahiran dan pengalaman luas, yang mana enam (6) adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Terdapat keseimbangan Lembaga yang sihat dengan lebih daripada 50.0% ahli Lembaga merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Semua Pengarah Bukan Eksekutif Bebas adalah daripada latar belakang perniagaan yang berbeza dan pengalaman mereka membolehkan mereka melaksanakan pertimbangan yang bebas dan penyertaan yang objektif di dalam prosiding serta proses membuat keputusan Lembaga.

Para Pengarah menyertai sepenuhnya dalam proses membuat keputusan isu-isu utama berkaitan Syarikat dan subsidiarinya. Pandangan para Pengarah Bukan Eksekutif Bebas membawa pengaruh yang besar dalam keputusan Lembaga dan mereka memenuhi peranan masing-masing dalam memastikan strategi yang dicadangkan oleh pihak pengurusan dibincangkan dan diperiksa sepenuhnya serta memastikan kepentingan pemegang saham dan pemegang kepentingan Syarikat dijaga dengan sewajarnya.

Semasa tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004, Pengerusi Syarikat memegang jawatan eksekutif dan tiada Ketua Pegawai Eksekutif yang lain kerana Syarikat merupakan sebuah syarikat pegangan pelaburan. Walau bagaimanapun, selaras dengan Amalan Terbaik dalam Tadbir Urus Korporat yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, Pengerusi telah melepaskan jawatan eksekutifnya pada 1 Julai 2004 dan kini menjadi Pengerusi Bukan Eksekutif Syarikat. Dalam kesemua subsidiari utama Syarikat, peranan Pengerusi dan Ketua Eksekutif kekal berlainan.

## b. Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan

Tun Mohammed Hanif Omar adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan yang dirujuk bagi sebarang persoalan membabitkan Kumpulan AMMB Holdings Berhad akan disampaikan.

## c. Mesyuarat Lembaga

Mesyuarat Lembaga dijadualkan setiap bulan dengan mesyuarat tambahan atau khas Lembaga diadakan jika dan apabila perlu. Semua pengarah mengkaji laporan lembaga bulanan yang diedarkan mengikut jadual sebelum mesyuarat Lembaga untuk membolehkan para pengarah memperoleh penjelasan yang lebih lanjut di mana perlu. Untuk memperolehi penjelasan yang cukup, pasukan Pengurusan Kanan Kumpulan dijemput menghadiri Mesyuarat Lembaga untuk memberikan Lembaga penerangan terperinci dan penjelasan tentang perkara yang dibawa ke Lembaga.

Sebagai lembaga penuh atau dalam kapasiti individu masing-masing, para pengarah mempunyai akses untuk semua maklumat di dalam Syarikat dan nasihat serta khidmat Setiausaha Syarikat Kumpulan. Setiausaha Syarikat menghadiri semua mesyuarat Lembaga dan memastikan prosedur Lembaga diikuti dan peraturan yang berkaitan dipatuhi. Nasihat profesional bebas juga disediakan untuk para Pengarah jika perlu menggunakan perbelanjaan Syarikat.

Semasa tahun kewangan, 11 mesyuarat lembaga telah diadakan. Kehadiran para pengarah semasa tempoh perkhidmatan mereka bagi tempoh tersebut adalah seperti berikut:

Para Pengarah	Bil. Mesyuarat Diadakan/ Dihadiri
Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim	11/11
Y Bhg Dato' Azlan Hashim	10/11
Y A Bhg Tun Mohammed Hanif Omar	11/11
Y Bhg Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba	11/11
Y Bhg Tan Sri Datuk Dr Aris Osman @ Othman <i>(dilantik 1 April 2004)</i>	t. b.
Y Bhg Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert <i>(dilantik 16 April 2004)</i>	t. b.
Y Bhg Dato' Mohd Tahir Haji Abdul Rahim <i>(bersara berkuatkuasa 19 Dis 2003)</i>	8/8
Y Bhg Dato' Malek Merican <i>(bersara berkuatkuasa 6 Mei 2004)</i>	9/11
Y Bhg Dato' Izham Mahmud <i>(dilantik berkuatkuasa 16 Oktober 2003)</i>	5/5
Y Bhg Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain <i>(dilantik 16 April 2004)</i>	t. b.
Encik Cheah Tek Kuang	11/11
Encik Soo Kim Wai	10/11
Puan Shalina Azman <i>(dilantik berkuatkuasa 16 Oktober 2003)</i>	5/5

t. b. - tidak berkeuaan kerana pelantikan selepas tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004

## d. Pemilihan Semula

Menurut Tataurusian Syarikat, semua Pengarah yang dilantik oleh Lembaga tertakluk kepada pemilihan oleh para pemegang saham pada mesyuarat agung yang akan datang selepas pelantikan mereka. Tataurusian juga menggariskan bahawa para Pengarah tertakluk kepada pemilihan semula mengikut pusingan pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun.

## e. Latihan Para Pengarah

Sebagai sebahagian daripada proses pelantikan pengarah baru, terdapat program suai kenal dalaman bagi para ahli Lembaga yang baru untuk mengenali dan memberikan mereka gambaran keseluruhan tentang perniagaan Kumpulan, pasaran operasinya, tanggungjawab dan tugas Lembaga secara keseluruhan, strategi korporat dan pengurusan risiko serta kekangan dan pematuhan pengawasannya.

Para ahli Lembaga menghadiri seminar, Program Pendidikan Berterusan Bursa Malaysia Securities Berhad (BMSB), persidangan dan pelbagai program latihan lain untuk mengetahui perkembangan industri perkhidmatan kewangan dan urusan dibuat untuk mereka menghadiri program oleh Jabatan Pembangunan Organisasi Kumpulan.



## JAWATANKUASA LEMBAGA

Lembaga membahagikan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Lembaga. Jawatankuasa yang ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam bidang perbincangan tertentu adalah:

1. Jawatankuasa Pencalonan
2. Jawatankuasa Ganjaran
3. Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan
4. Jawatankuasa Pengurusan Risiko

### a. Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa ini terdiri daripada Pengerusi Syarikat dan dua orang Pengarah bukan eksekutif bebas Lembaga. Ia bertanggungjawab untuk kerap mengkaji struktur, saiz dan komposisi Lembaga serta membuat cadangan kepada Lembaga tentang sebarang penyesuaian yang dirasakan perlu. Ia juga mencadangkan pelantikan pengarah bagi jawatankuasa Lembaga serta setiap tahun mengkaji keperluan gabungan kemahiran dan pengalaman dan kualiti serta kebolehan lain yang perlu dibawa oleh pengarah bukan eksekutif ke dalam Lembaga. Jawatankuasa menjalankan kajian semula Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga semasa tahun kewangan dan syor-syor telah dilaksanakan oleh Lembaga semasa tahun kewangan.

Lembaga Pengarah melalui cadangan oleh Jawatankuasa Pencalonan telah juga meluluskan mekanisme untuk penilaian formal bagi keberkesanan Lembaga secara keseluruhannya dan sumbangan setiap Pengarah terhadap keberkesanan Lembaga.

Dalam melaksanakan fungsi dan tugas mereka, Jawatankuasa Pencalonan telah bermesyuarat sebanyak lima (5) kali semasa tahun kewangan. Kehadiran ahli adalah seperti berikut:

Para Pengarah	Bil. Mesyuarat Diadakan/ Dihadiri
Y Bhg Dato' Azlan Hashim <i>Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas</i>	4/5
Y Bhg Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas</i>	5/5
Y Bhg Dato' Izham Mahmud <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (dilantik berkuatkuasa 19 Disember 2003)</i>	2/2
Y Bhg Dato' Mohd Tahir Haji Abdul Rahim <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (bersara berkuatkuasa 19 Disember 2003)</i>	3/3

### b. Jawatankuasa Ganjaran

Semua ahli Jawatankuasa ini adalah Pengarah Bukan Eksekutif. Jawatankuasa bertanggungjawab menentukan dan mengesyorkan kepada Lembaga rangka kerja atau polisi lembaga bagi ganjaran para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan ahli staf pengurusan kanan yang lain.

Dalam melaksanakan fungsi dan tugas mereka, Jawatankuasa Ganjaran telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali semasa tahun kewangan. Kehadiran ahli adalah seperti berikut:

Para Pengarah	Bil. Mesyuarat Diadakan/ Dihadiri
Y Bhg Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba <i>Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (bersara berkuatkuasa 19 Disember 2003)</i>	4/4
Y Bhg Dato' Azlan Hashim <i>Pengarah Bukan Eksekutif</i>	3/4
Y Bhg Dato' Izham Mahmud <i>Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (dilantik berkuatkuasa 19 Disember 2003)</i>	0/0*
Y Bhg Dato' Mohd Tahir Haji Abdul Rahim <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (bersara berkuatkuasa 19 Disember 2003)</i>	4/4

\* Nota: Tiada mesyuarat diadakan di antara 19/12/03 hingga 31/03/04

## Ganjaran Para Pengarah

Ganjaran bagi semua Pengarah ditentukan bagi memastikan Kumpulan mampu menarik dan mengekalkan Pengarah yang berkaliber yang mempunyai kemahiran dan pengalaman yang perlu untuk menguruskan Kumpulan dengan jayanya.

Jawatankuasa Ganjaran bertanggungjawab mengesyorkan rangka kerja ganjaran bagi para Pengarah serta pakej ganjaran untuk para Pengarah Eksekutif subsidiari.

Lembaga secara keseluruhannya menentukan ganjaran bagi para Pengarah bukan eksekutif dan para Pengarah eksekutif Kumpulan dengan para Pengarah yang berkepentingan dikecualikan daripada perbincangan mengenai ganjaran mereka.

Maklumat lanjut dan jenis serta jumlah setiap elemen utama imbuhan setiap Pengarah di dalam Kumpulan bagi TKB 2004 adalah seperti berikut:

Agregat Ganjaran mengikut Kategori (RM'000)	Pengarah Eksekutif	Pengarah Bukan Eksekutif	Agregat Ganjaran mengikut Kategori (RM'000)	Pengarah Eksekutif	Pengarah Bukan Eksekutif
Gaji	1,800	660	Kurang daripada RM50,000	-	3
Imbuhan Lain	1,158	857	RM50,001 - RM100,000	-	1
Bayaran	152	698	RM100,001 - RM150,000	-	1
Bonus	0	505	RM150,001 - RM200,000	-	1
Pembayaran Gratuiti	250	300	RM200,001 - RM250,000	-	1
Faedah Bukan Wang	4	100	RM350,001 - RM400,000	-	1
<b>Jumlah</b>	<b>3,364</b>	<b>3,120</b>	RM1,950,001 - RM2,000,000	-	1
			RM3,250,001 - RM3,400,000	1	-

### c. Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan

Lembaga telah melantik Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan ("Jawatankuasa Audit") bagi membantu menunaikan tanggungjawabnya mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh untuk melindungi aset Kumpulan dan pelaburan para pemegang saham.

## KEAHLIAN & MESYUARAT

Jawatankuasa Audit terdiri dari ahli-ahli berikut dan maklumat kehadiran setiap ahli pada mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004 adalah seperti berikut:

Ahli Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan	Bilangan Mesyuarat Yang Dihadiri
Y Bhg Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba <i>Pengerusi/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas</i>	6/6
Y Bhg Dato' Azlan Hashim <i>Ahli/Timbangan Pengerusi Bukan Eksekutif</i>	5/6
Y Bhg Dato' Mohd Tahir Haji Abdul Rahim <i>Bekas Pengerusi/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (bersara berkuatkuasa 19 Disember 2003)</i>	5/5
Y Bhg Dato' Izham bin Mahmud <i>Ahli/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (dilantik berkuatkuasa 19 Disember 2003)</i>	1/1

Oleh kerana aktiviti utama Kumpulan dijalankan di peringkat subsidiari, Jawatankuasa Audit yang berlainan juga ditubuhkan di subsidiari-subsidiari utama. Ini adalah bagi meningkatkan lagi keberkesanan dalam mengawasi dan menyelenggarakan sistem kawalan dalaman. Selaras dengan itu, kebanyakan aktiviti Jawatankuasa biasanya tertumpu di peringkat subsidiari.



Berikut adalah ringkasan bilangan mesyuarat Jawatankuasa Audit yang diadakan di subsidiari-subsidiari utama:

Subsidiari	Bilangan Mesyuarat Audit Yang Diadakan
AmMerchant Bank Berhad	10
AmFinance Berhad	12
AmBank Berhad	15
AmAssurance Berhad	6
AmSecurities Berhad	5

Para Pengarah Urusan dan para wakil juruaudit luaran dijemput menghadiri mesyuarat Jawatankuasa yang berkaitan. Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan adalah setiausaha bagi Jawatankuasa-jawatankuasa. Minit mesyuarat Jawatankuasa dibentangkan di mesyuarat Lembaga seterusnya.

#### d. Jawatankuasa Pengarah Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko mengawasi keseluruhan pengurusan semua risiko yang memberi kesan kepada Kumpulan. Ia terdiri daripada para Pengarah bukan eksekutif dan dipengerusikan oleh Pengarah Bebas untuk memastikan ianya bebas daripada pihak pengurusan kerana Jawatankuasa inilah yang mengkaji dan meluluskan polisi pengurusan risiko dan had toleransi risiko.

Oleh kerana Syarikat hanya sebuah syarikat pegangan pelaburan, Jawatankuasa Pengarah Pengurusan Risiko ditubuhkan di Lembaga subsidiari perbankan Syarikat iaitu AmMerchant Bank Berhad, AmBank Berhad dan AmFinance Berhad. Berikut adalah ringkasan jumlah mesyuarat Jawatankuasa Pengarah Pengurusan Risiko yang diadakan di subsidiari perbankan Syarikat semasa tahun kewangan 2004:

Subsidiari	Bilangan Mesyuarat Pengurusan Risiko Yang Diadakan
AmMerchant Bank Berhad	4
AmFinance Berhad	4
AmBank Berhad	4

## MEDEKATI PARA PEMEGANG SAHAM DAN PELABUR

### a. Perhubungan Pelabur

Kumpulan AmBank menghargai dialog dengan para pemegang saham dan pelaburnya. Sebagai sebahagian daripada "Program Perhubungan Pelabur" Kumpulan AmBank yang aktif untuk membincangkan isu jangka panjang dan memperoleh maklum balas, Pengerusi, para Pengarah dan Kakitangan Pengurusan Kanan Kumpulan AmBank sentiasa bersedia untuk mengadakan perbincangan bersama dengan para penganalisis dan pemegang saham dan telah berbuat demikian dari masa ke semasa.

Kakitangan Pengurusan Kanan Yang Bertanggungjawab dalam Aktiviti Perhubungan Pelabur:

1. Encik Cheah Tek Kuang (Pengarah)  
AMMB Holdings Berhad
2. Cik Amarjeet Kaur (Pengarah, Perkhidmatan Korporat)  
AmMerchant Bank Berhad

Aktiviti-aktiviti perhubungan pelabur yang utama ialah bermesyuarat dengan para penganalisis kewangan dan pengurus dana-dana pelaburan institusi; menyertai jerayawara, persidangan dan forum pelaburan; di dalam dan juga di luar negeri.

Syarikat telah mengadakan lebih 200 mesyuarat dengan penganalisa dan pelabur kewangan, menyertai pelbagai telepersidangan dan membuat persembahan di forum atau persidangan pelabur.

## Sorotan Program Perhubungan Pelabur Kami

### Penyertaan Jerayawara bagi TK 2004:

Tarikh	Penganjur	Acara	Tempat
24 – 25 Jul 03	Salomon Smith Barney	Persidangan Malaysia 2003	Singapura
3 – 5 Sep 03	Deutsche Bank	Persidangan Pasaran Baru Global	New York, USA
25–26 Sept 03	CLSA	Persidangan Pelabur CLSA	Hong Kong
21 Okt 03	UBS Warburg	Persidangan Malaysia	Singapura
8 – 9 Jan 04	Deutsche Bank	Persidangan Korporat Tahunan Malaysia	Singapura
5 – 6 Feb 04	Merrill Lynch	Persidangan Malaysia	Kuala Lumpur
18-19 Feb 04	J P Morgan	Gerbang Korporat Malaysia	Singapura
23-26 Mac 04	Credit Suisse First Boston (HK)	Persidangan Pelaburan Asia 2004	Hong Kong
19-23 Apr 04	CLSA	Hari Gerbang Malaysia	Boston/New York
26-28 Apr 04	Deutsche Bank	Persidangan Korporat Malaysia	London/Edinburgh
3 – 4 Mei 04	Salomon Smith Barney	Persidangan Pelabur Serantau	Hong Kong/Singapura

### Taklimat Analisis Utama Yang Diadakan:

Tarikh	Acara
27 Feb 2004	Keputusan Kewangan Suku ke-3 bagi TK 2004
	Keputusan Kewangan Suku ke-4 bagi TK 2004
31 Mei 2004	Keputusan Kewangan Tahun Penuh TK 2004

## b. Perhubungan dengan Para Pemegang Saham

Para pemegang saham diberikan ulasan prestasi kewangan yang informatif bagi tahun kewangan di setiap Mesyuarat Agung Tahunan (MAT). Pemegang saham yang menghadiri MAT Kumpulan digalakkan bertanya apa-apa soalan yang mereka ada berkaitan prestasi kewangan Syarikat dan operasi perniagaannya.

Pengumuman dibuat dari masa ke semasa kepada orang ramai mengenai cadangan korporat, keputusan kewangan dan pengumuman lain Kumpulan yang diperlukan.

Maklumat korporat Kumpulan AmBank juga boleh disediakan kepada para pemegang saham dan orang awam melalui laman web Kumpulan: [www.ambg.com.my](http://www.ambg.com.my) yang kerap dikemaskinikan untuk menyediakan maklumat yang terkini. Selain daripada maklumat korporat Kumpulan, laman web juga menyediakan maklumat berita dan acara yang berkaitan dengan Kumpulan.

## KENYATAAN TANGGUNGJAWAB

Lembaga Pengarah dikehendaki oleh Akta Syarikat 1965 untuk menyediakan laporan kewangan bagi setiap tahun kewangan, yang memberikan gambaran sebenar dan adil mengenai keadaan, hasil dan aliran tunai Syarikat dan Kumpulan pada penghujung tahun kewangan. Selepas perbincangan dengan juruaudit, para Pengarah menganggap Syarikat mengguna pakai polisi perakaunan yang sewajarnya yang dilaksanakan dan disokong secara konsisten oleh pertimbangan dan perkiraan yang sepatutnya serta berhemat, dan semua standard perakaunan yang mereka anggap perlu diguna pakai telah diikuti semasa penyediaan penyata kewangan.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan Kumpulan menyimpan rekod perakaunan yang menunjukkan kedudukan kewangan Syarikat dengan tepat untuk membolehkan mereka memastikan penyata kewangan mematuhi Akta Syarikat 1965.

Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga bertanggungjawab secara amnya untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menjaga aset Kumpulan dan menghalang serta mengesan penipuan serta kejanggalaan yang lain.





## PERHUBUNGAN DENGAN JURUAUDIT

Tetuan Deloitte KassimChan (Deloitte) adalah juruaudit berkanun luar Kumpulan dan juruaudit Kumpulan bagi akaun terkumpulnya bagi persediaan laporan tahunan ini. Deloitte mengambil semua fungsi audit yang mana diperlukan oleh undang-undang. Mereka diundi oleh para pemegang saham Syarikat setiap tahun.

Selaras dengan amalan tadbir urus yang baik, Lembaga melalui Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan telah menjalankan kajian semula juruaudit luar dan fungsi audit luar kerana Deloitte telah menjadi juruaudit Syarikat sejak tahun 1991. Berikutan dengan itu, Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan telah mencadangkan dan Lembaga telah menerima cadangan bahawa juruaudit luar dikitar. Deloitte telah bersetuju dengan keprluan untuk kitaran dan telah memberi tanda bahawa mereka tidak mahukan pelantikan semula. Jawatankuasa telah mencadangkan bahawa Tetuan Ernst & Young dilantik sebagai juruaudit berkanun Kumpulan untuk berkhidmat sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan akan datang. Pemegang saham utama telah mencadangkan Tetuan Ernst & Young dilantik sebagai juruaudit berkanun Kumpulan.

### a. Fi Audit

Jumlah fi audit berkanun dan bukan berkanun bagi Kumpulan AHB (kecuali perbelanjaan dan cukai perkhidmatan) yang dikenakan oleh Deloitte semasa tahun kewangan berakhir 2003 berjumlah RM869,450.

### b. Fi Bukan Audit

Jumlah fi bukan audit (kecuali perbelanjaan dan cukai perkhidmatan) yang dikenakan oleh Deloitte untuk perkhidmatan yang dilaksanakan untuk Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 2004 berjumlah RM32,000.

## PENYATA KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas kawalan dalam Kumpulan, yang mana direka untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan operasi, kawalan dalaman, termasuk laporan kewangan, dan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan. Dalam mengadakan dan mengkaji sistem kawalan dalam, para Pengarah telah mengambil kira keadaan risiko yang berkaitan, kemungkinan kerugian akan berlaku dan kos untuk mengawalinya. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa sistem kawalan dalaman hanya boleh memberikan keyakinan yang dapat diterima tetapi tidak sepenuhnya terhadap risiko kerugian material. Kumpulan telah mengguna pakai pendekatan yang berkoordinat dan rasmi untuk kawalan dalaman dan pengurusan risiko. Persekitaran yang peka risiko dan menyedari kawalan dipupuk di seluruh Kumpulan melalui jawatankuasa lembaga subsidiarinya, termasuk Jawatankuasa Eksekutif Pengarah dan Jawatankuasa Pengarah Pengurusan Risiko. Jawatankuasa lembaga ini disokong oleh Jabatan Pengurusan Risiko, Jabatan Perundangan dan Pematuhan selain daripada Jabatan Audit Dalaman Kumpulan.

Lembaga melalui Jawatankuasa dan Pemeriksaan kerap mengkaji proses kawalan dan penilaian diri yang sedang berjalan. Bagi membantu Lembaga memenuhi tanggungjawabnya, Jabatan Audit Dalaman telah memperkenalkan kad pengiraan risiko perniagaan untuk semua unit perniagaan di dalam Kumpulan. Kad pengiraan risiko perniagaan adalah alat untuk mengenal pasti dan menyusun secara sistematik semua risiko yang timbul daripada aktiviti sebuah unit, fungsi atau jabatan dan untuk mengenal pasti langkah dan kawalan untuk mengurangkan dan menguruskan risiko. Kad pengiraan kemudiannya akan dikaji semula dengan kerap dan dikemaskinikan sekiranya terdapat perubahan dalam profil risiko masing-masing.

Jabatan Audit Dalaman juga menjalankan audit berasaskan risiko secara bebas bagi memastikan sistem kawalan dalaman yang diwujudkan untuk mengurangkan risiko yang dikenal pasti pada Kad Pengiraan Risiko Perniagaan adalah berkesan dan beroperasi dengan memuaskan.

Keberkesanan sistem kawalan dalaman dikaji dari masa ke semasa oleh Lembaga dan Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan yang menerima laporan kajian yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Dalaman.

## LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT & PEMERIKSAAN

### Terma Rujukan

Fungsi Jawatankuasa adalah seperti berikut: -

- (a) Memberikan bantuan dan mengkaji semula dan melaporkan kepada Lembaga mengenai:
  - i. memenuhi tanggungjawab berkanun dan fidusiari bagi Syarikat/ Kumpulan; dan
  - ii. mengawal amalan perakaunan dan laporan kewangan Syarikat/ Kumpulan;
- (b) Untuk menentukan Syarikat/ Kumpulan mempunyai polisi, prosedur dan garis panduan mantap yang mencukupi, kawalan operasi dan dalaman, serta ianya dipatuhi dan beroperasi secara berkesan dalam menggalakkan kecekapan dan amalan yang sesuai serta melindungi aset Syarikat/ Kumpulan;
- (c) Bertindak sebagai pihak bebas dan objektif dalam mengkaji semula maklumat kewangan Syarikat/ Kumpulan yang dibentangkan oleh pihak Pengurusan kepada Lembaga dan para Pemegang Saham;
- (d) Mengkaji keputusan suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun Syarikat/ Kumpulan serta menentukan kepatuhan dengan standard perakaunan dan keperluan perundangan;
- (e) Mengkaji semula dan meluluskan skop audit, pelan audit dan laporan audit luar dan dalaman;
- (f) Menilai kecukupan dan keberkesanan sistem pengawalan Pengurusan Syarikat/ Kumpulan melalui kajian semula laporan audit luar dan dalaman yang membentangkan perakaunan dalaman, kelemahan kawalan organisasi dan operasi serta untuk menentukan langkah-langkah pembetulan yang sewajarnya dilaksanakan oleh Pengurusan;
- (g) Menentukan kecukupan skop, fungsi dan sumber fungsi audit dalaman serta mereka mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan kerja mereka;





- (h) Menentukan melalui perbincangan dengan juru audit luar dan dalaman yang tiada sekatan yang dikenakan oleh pihak Pengurusan dan kakitangan pada skop pemeriksaan mereka;
- (i) Mengarah dan mengawal selia sebarang projek atau penyiasatan khas apabila perlu;
- (j) Menyediakan apabila perlu, laporan berkala kepada Lembaga yang meringkaskan tentang kerja-kerja yang dijalankan dalam memenuhi tanggungjawab utama Jawatankuasa;
- (k) Mengkaji semula sebarang urus niaga pihak yang berkaitan dan situasi yang berkonflik kepentingan yang mungkin timbul dalam Syarikat/ Kumpulan termasuk sebarang urus niaga, prosedur atau tatacara yang menimbulkan persoalan terhadap integriti pengurusan; dan
- (l) Mengkaji semula pelantikan tahunan juru audit luar, atau surat perletakkan jawatan daripada juruaudit luar untuk berunding dan meluluskan yuran audit tahunan dan/atau yuran audit khas, serta menilai asas bilnya.

### Aktiviti

Berikut adalah ringkasan aktiviti utama yang dijalankan oleh Jawatankuasa sepanjang tahun:

- Mengkaji semula dan meluluskan pelan audit tahunan Jabatan Audit Dalaman termasuk sumber dan keperluan latihan;
- Mengkaji semula kaedah Jabatan Audit Dalaman dalam menilai dan mengandarkan tahap risiko pelbagai bahagian yang boleh diaudit dan menentukan yang audit tersebut

mengutamakan bahagian yang berisiko tinggi dan kritikal;

- Mengawal kemajuan Jabatan Audit Dalaman dalam melengkapkan pelan auditnya dan menilai prestasi Jabatan;
- Mengkaji semula kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan, laporan dan pengurusan risiko dalam menentukan adanya kaedah sistematik untuk mengenal pasti, menilai dan mengurangkan/ mengawal bahagian risiko;
- Mengkaji semula dan membincangkan laporan-laporan Jabatan Audit Dalaman, termasuk penyiasatan dalaman, BNM, juruaudit luar dan lain-lain pihak luar, menilai tindakan pihak Pengurusan dan seterusnya mengarahkannya pihak Pengurusan untuk mengambil langkah-langkah pembetulan yang sewajarnya. Jawatankuasa juga perlu menjalankan tindakan susulan terhadap isu-isu penting yang dibangkitkan dalam laporan tersebut;
- Mengkaji semula dan berbincang tentang kedudukan kewangan syarikat, terutamanya kecukupan modal, kualiti aset, pengurusan, keuntungan dan kedudukan kecairan pada setiap dua bulan;
- Mengkaji semula kecukupan prosedur Kumpulan dalam mengenal pasti, mengawal, melaporkan dan mengkaji semula urus niaga pihak yang berkenaan;
- Mengkaji semula keputusan suku tahun dan penyata kewangan syarikat;
- Mengkaji semula skop kerja juru audit luar serta fi audit tahunan mereka; dan
- Mengkaji semula dan memastikan peruntukan opsyen yang diluluskan semasa tahun kewangan di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja Syarikat (Skim) adalah mengikut peruntukan Skim.

### Fungsi Audit Dalaman

Kumpulan mempunyai Jabatan Audit Dalaman yang mantap yang melaporkan kepada Jawatankuasa Audit dan membantu Lembaga Pengarah dalam mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh. Piagam Audit Kumpulan adalah untuk melindungi kebebasan fungsi audit dalaman apabila Ketua Audit Kumpulan melaporkan kepada Jawatankuasa Audit.

Jawatankuasa Audit meluluskan kerja-kerja fungsi audit dalaman serta mengkaji semula dan mengawasi penyelesaian kerja-kerjanya. Pelan audit tahunan Jabatan Audit Dalaman adalah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit. Fungsi Audit Dalaman merangkumi semua unit dan operasi dalam Kumpulan dengan penekanan utama diberikan kepada unit-unit berisiko tinggi. Kekerapan audit bergantung kepada profil risiko unit perniagaan atau operasi dan unit berisiko tinggi diaudit sekurang-kurangnya sekali setahun.

Fungsi audit ini merangkumi semua kumpulan utama perniagaan dan terdiri dari lima kategori kerja yang utama:

- (1) Audit yang telah dirancang
- (2) Kajian semula kitaran hidup pembangunan sistem bagi projek-projek prasarana IT yang utama
- (3) Kajian fokus yang khusus
- (4) Audit mandatori
- (5) Kajian segera dan tugas khas

Pelan audit merangkumi kajian kecukupan pengurusan risiko, kawalan operasi, kepatuhan pada undang-undang dan peraturan, kualiti aset, keberkesanan pengurusan dan tahap perkhidmatan pelanggan. Pelan audit dibentuk berdasarkan risiko perniagaan semula jadi dan kawalan risiko dalam setiap unit operasi serta kepentingan dari segi kewangan. Kajian semula ini adalah pada pendekatan yang berasaskan risiko dan bukan hanya setakat mematuhi peraturan.

Fungsi audit dalaman dijalankan pada asas Kumpulan untuk menentukan konsistensi dalam kawalan persekitaran serta dalam pelaksanaan polisi dan prosedur. Langkah yang sistematik dan berdisiplin diambil untuk memberikan keyakinan yang diperlukan kepada mereka yang berkepentingan, dan juga untuk menambah nilai serta meningkatkan operasi Kumpulan dengan memberikan pandangan yang bebas dan objektif. Bahagian audit dalaman terdiri daripada 80 orang profesional.







# Pematuhan Keperluan Penyenggaraan Bursa Sekuriti

## MAKLUMAT PEMATUHAN BURSA SEKURITI YANG LAIN

### 1. Pembelian Balik Saham

Syarikat tidak membeli apa-apa sahamnya sendiri semasa TK 31 Mac 2004 dan tahun kewangan sebelumnya.

### 2. Kontrak Material

Tiada kontrak material (bukan kontrak yang dimasukkan ke dalam urusan biasa perniagaan) dimasukkan oleh Kumpulan yang melibatkan para pengarah dan pemegang saham, sama ada masih kekal di akhir tahun kewangan atau dimasukkan sejak akhir tahun kewangan sebelumnya.

### 3. Resit Depositori Amerika (ADR) atau Resit Depositori Global (GDR)

Syarikat tidak menganjurkan apa-apa program ADR atau GDR bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004.

### 4. Sekatan dan/atau Penalti

Tiada sekatan dan/atau penalti dikenakan ke atas Syarikat, pengarah atau pihak pengurusan oleh badan pengawasan yang berkaitan semasa tahun kewangan.

### 5. Jaminan Keuntungan

Semasa tahun kewangan, tiada jaminan keuntungan diberikan oleh Syarikat.

### 6. Polisi Penilaian Semula

Syarikat tidak menilai semula hartanah bertanahnya dan oleh itu tidak menggunakan pakai apa-apa polisi penilaian semula pada tarikh laporan ini.

### 7. Penggunaan Wang Hasil Daripada Usul Korporat

Status penggunaan wang hasil daripada terbitan hak boleh dilepaskan sebanyak 303,457,091 saham biasa baru pada harga terbitan RM1.10 sesaham yang diselesaikan pada 6 Januari 2004, adalah seperti berikut:

Deskripsi	Penggunaan Yang Diluluskan RM'000	Penggunaan Sebenar RM'000
Langganan terbitan hak AmBank Berhad	325,000	325,000
Pendanaan keperluan modal kerja	4,303	5,395
Anggaran perbelanjaan pelaksanaan korporat (Nota)	4,500	3,408
<b>Jumlah</b>	<b>333,803</b>	<b>333,803</b>

#### Nota:

Perbezaan di antara perbelanjaan sebenar dan anggaran bagi pelaksanaan korporat sebanyak RM1.092 juta telah diperuntukkan bagi pendanaan keperluan modal kerja Kumpulan.

## 8. Opsyen, Waran atau Sekuriti Boleh Tukar

Semasa tahun kewangan, Syarikat telah menukar:

- (i) 45,127,838 opsyen saham pekerjajanya menjadi 45,127,838 saham biasa RM1.00 setiap satu di dalam Syarikat; dan
- (ii) 2,740,335 waran saham 2003/2008 menjadi 2,740,335 saham biasa RM1.00 setiap satu di dalam Syarikat.

## 9. Variasi dalam Keputusan

Tiada ramalan keuntungan, projeksi atau keputusan tidak diaudit yang dibuat atau diumumkan bagi TK 31 Mac 2004.

## 10. Urus Niaga Perolehan atau Bersifat Perniagaan Pihak Berkaitan Yang Berulang

Pada Mesyuarat Agung Luar biasa yang diadakan pada 24 September 2003, Syarikat telah memperoleh mandat pemegang saham untuk membolehkan Kumpulan menyertai urus niaga berulang pihak berkaitan yang bersifat perolehan atau perdagangan.

Mengikut perenggan 10.09 (1)(b), Bahagian E, Bab 10 Keperluan Penyenaian Bursa Malaysia, butiran transaksi pihak berkaitan berulang yang dijalankan semasa tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004 mengikut mandat pemegang saham dilampirkan seperti berikut:

Pihak Berkaitan	Pihak Berurus Niaga	Jenis Urus Niaga oleh Pihak Berurus Niaga	Nilai Sebenar (RM'000)	Pertalian Dengan Syarikat	
MCM Consulting Sdn Bhd	AHB dan mana-mana subsidiarinya	Pembelian perisian dan perkakasan dan peruntukan perkhidmatan berkaitan IT*	7,936	Syarikat-syarikat yang mana Pengarah dan pemegang saham utamanya dianggap mempunyai kepentingan	
MCM Systems Sdn Bhd			1,167		
Blue Star Infotech (Malaysia) Sdn Bhd			2,248		
Harpers Travel (M) Sdn Bhd		Perkhidmatan tiket penerbangan	545		
Conquest Marketing Sdn Bhd		Perkhidmatan pengiklanan	707		
Paragon Premiums Sdn Bhd		Perkhidmatan pengiklanan & promosi	1,580		
Computer System Advisers (M) Berhad		Pembelian perisian dan perkakasan dan peruntukan Perkhidmatan berkaitan IT	5,798		Syarikat-syarikat yang mana seorang Pengarah dianggap mempunyai kepentingan
Unigaya Protection Systems Sdn Bhd		Perkhidmatan keselamatan bersenjata dan tanpa senjata	460		Syarikat-syarikat yang mana seorang Pengarah dianggap mempunyai kepentingan

\* Perkhidmatan berkaitan perundingan IT terdiri tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan berikut:

1. reka bentuk, pembangunan dan penyesuaian perisian;
2. integrasi, pemasangan, implementasi, ujian dan pentauliahan perisian sistem yang ditentukan;
3. peruntukan perkhidmatan penyelenggaraan dan naik taraf terhadap rangka utama sedia ada yang berkait dengan aplikasi dan sistem;
4. pembangunan, mengoptimumkan dan implementasi laman web; dan
5. peruntukan perkhidmatan pengurusan projek.




**Pendekatan kami terhadap pengurusan dan kawalan risiko terus berubah semasa tahun kewangan untuk mencerminkan amalan terbaik. Keuntungan yang berlanjutan membentuk objektif teras strategi pengurusan risiko Kumpulan.**

Setiap risiko yang dihadapi oleh Bank mempunyai potensi keuntungan mahu pun potensi kerugian yang mampu menjatuhkan nilai pegangan saham. Polisi pengurusan risiko direka untuk mengenal pasti, mencatat dan menganalisis risiko-risiko ini di peringkat awal, mengukur secara berterusan dan mengawasi risiko-risiko ini. Seterusnya, had, polisi dan prosedur ditetapkan untuk mengawal risiko dalam menentukan pengambilan risiko yang mampu bertahan dan memperoleh pulangan yang mencukupi. Tujuh jenis risiko telah dikenal pasti iaitu risiko strategik, modal, kredit, pasaran, pendanaan, operasi dan perundangan.

# Menguruskan Risiko





**Badan Pengurusan Risiko**

Pengurusan risiko adalah tanggungjawab setiap unit di dalam Kumpulan. Kumpulan walau bagaimanapun telah menubuhkan badan dalaman di mana isu-isu risiko difokuskan secara berpusat untuk perhatian pihak pengurusan dan keputusan bank yang menyeluruh. Badan-badan ini ialah Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Pengarah Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Risiko. Dengan Lembaga setiap institusi perbankan berlesen di dalam Kumpulan meneruskan bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko entiti masing-masing, struktur pengurusan risiko utama ini ditubuhkan dalam ketiga-tiga institusi perbankan berlesen Kumpulan iaitu AmBank Berhad, AmMerchant Bank Berhad dan AmFinance Berhad. (Terma Bank di bahagian selepas ini merujuk kepada setiap institusi perbankan berlesen Kumpulan).

**Gambaran Keseluruhan Lembaga**



Fokus terhadap risiko dan polisi pengurusan risiko bermula di tahap pengurusan tertinggi Bank iaitu Lembaga Pengarah yang:

- Meluluskan strategi pengurusan risiko Bank dan menetapkan tahap toleransi keseluruhan risiko Bank; dan
- Meluluskan pelaksanaan produk atau aktiviti baru selepas mengambil kira keupayaan ketahanan risiko dan kesediaan Bank.



Jawatankuasa Pengarah Pengurusan Risiko membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsi mereka dan mengawasi badan eksekutif dengan mengadakan forum yang lebih fokus terhadap isu-isu risiko. Jawatankuasa adalah bebas daripada pihak pengurusan dan terdiri hanya daripada para pengarah bukan eksekutif. Jawatankuasa:

- memastikan risiko di semua bahagian diuruskan secara efektif dan tahap toleransi risiko Lembaga dikuatkuasakan secara berkesan; dan
- mengkaji semula pendedahan risiko tahap tinggi dan keputusan pengurusan bagi memastikan ianya adalah seperti kepentingan Bank secara keseluruhan.



**Pengurusan**

Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Risiko menjalankan pengurusan risiko harian dan melaksanakan polisi pengurusan risiko yang diluluskan oleh Lembaga. Jawatankuasa dipengerusikan oleh eksekutif tahap kanan dan disertai oleh eksekutif kanan yang berkaitan bagi kedua-dua unit perniagaan dan bukan perniagaan. Jawatankuasa:

- melaksanakan keputusan strategi risiko dan peruntukan modal oleh Lembaga dan Jawatankuasa Pengarah Pengurusan Risiko;
- mengkaji pendedahan risiko Bank dan persekitaran, dan menetapkan strategi kedudukan risiko yang sesuai;
- menilai keupayaan Bank menangani risiko dalam senario biasa dan mencabar;
- mengkaji pematuhan had atau sekatan yang ditetapkan;
- mengawasi dan menilai profil pulangan risiko; dan
- menilai dan meluluskan cadangan yang dibuat oleh pengurusan risiko dan unit perniagaan.

Di peringkat Kumpulan, gabungan risiko ketiga-tiga institusi perbankan di dalam Kumpulan dikaji dan dibincangkan di Forum Risiko Kumpulan. Forum ini diwakili oleh ketua pegawai eksekutif, ketua bahagian pengurusan risiko dan para eksekutif kanan utama ketiga-tiga institusi perbankan.

- Forum mengkaji semua risiko serta menetapkan standard pengukuran dan toleransi risiko bagi Kumpulan. Forum membincangkan dan membuat keputusan tentang isu risiko biasa untuk diguna pakai di seluruh Kumpulan.

Sokongan Berfungsi



**Jabatan Pengurusan Risiko**

Jabatan Pengurusan Risiko adalah unit perniagaan bebas dan melaporkan terus kepada Pengarah Urusan. Ia berkhidmat membantu Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Risiko dalam menjalankan tugas mereka dan melaksanakan arahan-arahan jawatankuasa. Peranan utama Jabatan Pengurusan Risiko ini adalah:

- Menjadi platform pusat di mana risiko seluruh Bank dapat disatukan bagi tinjauan berasaskan portfolio;
- Mengadakan kaedah pengukuran risiko yang standard supaya perbandingan dapat dibuat;
- Bertindak sebagai pusat sumber dalam menilai risiko untuk membantu pihak pengurusan, unit perniagaan dan operasi; dan
- Mencadangkan cara untuk mengawal atau meminimumkan risiko berasaskan portfolio.




Jabatan Pengurusan Risiko terdiri daripada beberapa buah unit dan menyediakan liputan menyeluruh bagi semua risiko Bank. Fungsinya termasuklah kajian dan analisis, melaporkan pendedahan risiko, mengawasi pematuhan had, merumuskan kaedah penilaian risiko dan merumuskan strategi risiko Bank.

Untuk mencapai keharmonian Kumpulan, pengukuran risiko dan kaedah penilaian diselaraskan di seluruh Kumpulan. Sumber fungsi kajian dan pembangunan di setiap jabatan pengurusan risiko entiti digerakkan sebagai sumber pusat bagi Kumpulan dengan setiap jabatan pengurusan risiko membangunkan kemahiran tertentu untuk bidang risiko yang terpilih.


### Bahagian Audit Dalaman

Sebagai tambahan kepada jentera risiko di atas, Bahagian Audit Dalaman membantu Jawatankuasa Audit dan Lembaga dengan menyediakan penilaian bebas terhadap keberkesanan struktur pengurusan risiko, sistem kawalan dan kaedah yang digunakan bagi mengawal risiko.



### Pendekatan Pengurusan Risiko

Pendekatan pihak pengurusan terhadap risiko Syarikat dijelaskan di perenggan berikut.



Risiko pasaran adalah risiko kerugian hasil perubahan dalam nilai portfolio dan instrumen kewangan akibat perubahan pemboleh ubah pasaran seperti kadar faedah dan kadar pertukaran asing, perbezaan kredit dan harga ekuiti.

Objektif utama pengurusan risiko pasaran ialah menentukan yang kerugian risiko pasaran dapat ditangani tepat pada masanya dan kedudukan risiko mempunyai kecairan yang mencukupi untuk membolehkan Syarikat mengurangkan kedudukannya tanpa menghadapi sebarang potensi kerugian yang melebihi keupayaan Bank.



## Struktur Pengurusan Risiko Pasaran

Pengurusan risiko pasaran adalah tanggungjawab Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Risiko yang mengendalikan risiko pasaran. Para ahli dan jemputannya termasuklah pihak pengurusan kanan unit perniagaan dan sokongan seperti Jabatan Perbendaharaan, Pengurusan Risiko dan Kewangan.

Polisi risiko pasaran seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa dilaksanakan oleh unit-unit perniagaan yang berkenaan dan jika perlu, diawasi dan dilaporkan semula ke Jawatankuasa oleh Jabatan Perbendaharaan dan/atau Pengurusan Risiko. Jawatankuasa melaporkan kepada Jawatankuasa Pengarah Pengurusan Risiko tentang kedudukan risiko pasaran bank pada setiap suku tahun dan mengutarakan isu-isu utama yang telah dibincangkan.

## Kaedah Pengurusan Risiko

Risiko pasaran bagi portfolio dagangan dan bukan dagangan Bank diuruskan secara berasingan. Bank menggunakan pendekatan '(duration-weighted-gap value-at-risk atau DWG VAR)' dalam mengira pendedahan risiko pasaran bagi portfolio bukan dagangan dan parametric value-at-risk atau parametric VAR serta analisis kepekaan pergerakan berasaskan 25 mata bagi portfolio dagangannya.

**Value-At-Risk (VAR): potensi kerugian sesebuah portfolio dijangka berlaku pada tempoh tertentu, dengan kebarangkalian yang tertentu pada keadaan pasaran yang normal.**

Bank mengawal pendedahan risiko pasarnya bagi aktiviti-aktiviti dagangan dan bukan dagangan terutamanya melalui beberapa siri had. Had mengelak kerugian, parametric VAR dan had kepekaan posisi mentadbir aktiviti dagangan Bank manakala had DWG VAR mengawal kedudukan bukan dagangan. Setiap meja perniagaan yang berkenaan diberikan had terkini bulanan, suku tahun dan tahunan bagi 'had mengelak' kerugian berdasarkan bajet keuntungan perniagaan. Had VAR digunakan untuk mengawal saiz kedudukan risiko dalam menentukan ianya adalah dalam lengkungan keupayaan Syarikat. Diluluskan oleh Lembaga Pengarah, struktur had ini menyelaraskan aktiviti pengambilan risiko tertentu dengan tahap pengambilan risiko keseluruhan Syarikat dan unit-unit perniagaan individunya.

Semua unit perniagaan dikehendaki mematuhi had pendedahan yang ditentukan. Jika melebihi had, unit perniagaan bertanggungjawab mengurangkan pendedahan mereka serta-merta ke tahap di bawah had. Jika ini tidak mampu dilakukan, nasihat daripada pihak pengurusan kanan akan diminta mengenai kaedah yang wajar untuk menangani pendedahan. Gabungan teknik-teknik ini mengurangkan kemungkinan kerugian perniagaan dan bukan perniagaan melebihi tahap risiko Syarikat. Had-had ini kerap dikaji selaras dengan prestasi suku tahun Syarikat.

Untuk saling melengkapi VAR, Syarikat mempunyai satu set analisis senario yang bertindak sebagai petunjuk terhadap perubahan dalam nilai portfolio dalam pelbagai jangkaan keadaan pasaran seperti perubahan ketara dalam kadar kewangan, harga dan kadar faedah ekuiti am, serta anjakan keluk kadar hasil.



### Objektif Pengurusan Risiko Pendanaan

Risiko pendanaan adalah risiko di mana organisasi tidak mampu menampung operasi hariannya pada kos yang munasabah.

Objektif utama rangka kerja pengurusan risiko pendanaan adalah menentukan adanya dana yang mencukupi pada kos yang munasabah untuk memenuhi semua komitmen kewangannya apabila ia matang.

Objektif tambahannya adalah menentukan struktur dana yang optimum dan mengimbangi objektif utama pengurusan risiko pendanaan, yang termasuk kepelbagaian sumber dana, asas pelanggan dan tempoh matang.

## Struktur Pengurusan Risiko Pendanaan

Pengurusan risiko pendanaan adalah tanggungjawab Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Risiko yang mengendalikan risiko pendanaan. Para ahli dan jemputannya termasuklah pihak pengurusan kanan unit perniagaan dan sokongan seperti Jabatan Perbendaharaan, Pengurusan Risiko dan Kewangan.

Polisi risiko pendanaan seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa dilaksanakan oleh unit-unit perniagaan yang berkenaan dan jika perlu, diawasi dan dilaporkan semula ke Jawatankuasa oleh Jabatan Perbendaharaan dan/atau Pengurusan Risiko. Jawatankuasa melaporkan kepada Jawatankuasa Pengarah Pengurusan Risiko tentang kedudukan risiko pasaran bank pada setiap suku tahun dan mengutarakan isu-isu utama yang telah dibincangkan.



## Kaedah Pengurusan

Pengurusan risiko pendanaan yang sedang dilaksanakan adalah berasaskan strategi utama berikut:

- Pengurusan aliran tunai; dengan mengekalkan jumlah tunai yang mencukupi dan aset cair yang melebihi apa yang telah ditetapkan oleh BNM dalam rangka kerja ketidakpadanan kematangan aliran tunai.
- Analisis senario; perniagaan baru, perubahan dalam portfolio serta senario tekanan berdasarkan pengalaman pengeluaran yang besar di masa lampau.
- Kepelbagaian dan kestabilan liabiliti melalui pengurusan sumber dana, kepelbagaian asas pelanggan pen deposit dan pendedahan antara bank.

Langkah yang diambil untuk pengurusan risiko pendanaan adalah berbeza dan merangkumi pengawasan dan laporan harian hingga bulanan. Ia termasuklah aliran tunai mingguan, pengawasan jumlah pen deposit dan nisbah utama lain yang berkaitan secara harian dan laporan bulanan kepada Jawatankuasa tentang langkah-langkah atau apa-apa pelanggaran had, jika ada.

## Pelan Pendanaan Luar Jangkaan

Pelan Pendanaan Luar Jangkaan menyediakan proses formal untuk mengenal pasti krisis pendanaan. Tanggungjawab terperinci antara jabatan yang tertentu juga ditetapkan untuk menentukan pelaksanaan prosedur yang teratur bagi memulihkan kedudukan kecairan dan keyakinan terhadap Syarikat semasa krisis sebenar.



### Objektif Pengurusan Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian akibat ketidakbolehan atau keengganan pihak lain menepati obligasi pembayaran. Pendedahan terhadap risiko kredit meningkat terutamanya daripada aktiviti pinjaman dan sedikit sebanyak akibat pra-penyelesaian dan pendedahan penyelesaian bagi aktiviti jualan dan dagangan.

Objektif utama rangka kerja pengurusan risiko ialah menentukan bahawa pendedahan terhadap risiko kredit sentiasa berada dalam kapasiti keupayaan daripada segi kewangan untuk bertahan menghadapi potensi kerugian di masa akan datang.

## Struktur Pengurusan Risiko Kredit

Pengurusan risiko kredit adalah di bawah pengawasan Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Risiko yang mengendalikan risiko kredit. Para ahli dan jemuatannya termasuklah pihak pengurusan kanan unit perniagaan dan sokongan seperti jabatan perhubungan pinjaman, Pengurusan Risiko Kredit dan Pengurusan Risiko.

Pengurus Perniagaan melaksanakan penilaian kredit terhadap pendedahan baru, menggredkan peminjam baru dan sedia ada serta memastikan pematuhan semua garis panduan dan polisi yang berkaitan. Walau bagaimanapun, ini tertakluk kepada penapisan ketat dan kajian oleh jabatan pengurusan risiko bebas. Untuk meningkatkan lagi kualiti dan konsistensi penilaian kredit bagi kredit bukan runcit di keseluruhan kumpulan, Lembaga AmMerchant, AmBank dan AmFinance baru-baru ini telah meluluskan satu pelaksanaan untuk mengumpulkan fungsi penilaian kredit menjadi pusat khas, di mana sebuah pusat mengendalikan penilaian kredit pendedahan korporat besar manakala sebuah lagi untuk pendedahan perbankan perniagaan bersaiz sederhana. Kelulusan pinjaman besar yang tertakluk dalam polisi yang diluluskan dibuat oleh Jawatankuasa Kredit dan Komitmen dengan beberapa pengecualian yang dibawa ke Jawatankuasa Eksekutif Pengarah. Ini termasuklah kelulusan pinjaman baru dan komitmen taja jamin serta kajian semula terma dan syarat pinjaman sedia ada.

## Kaedah Pengurusan


Bagi kredit bukan runcit, pengukuran risiko kredit bermula dengan penilaian terhadap kedudukan kewangan peminjam atau pihak yang berurusan menggunakan model perkadaran kredit yang dibangunkan sendiri. Model ini terdiri daripada skor kuantitatif dan kualitatif yang diterjemahkan kepada gred perkadaran, yang bermula dari 'AAA' (risiko terendah) kepada 'C' (risiko tertinggi). Analisis kredit bukan sahaja menyetekahkan isu kredit utama yang perlu dikurangkan tetapi juga mencerminkan tahap risiko keseluruhan bagi setiap peminjam baru. Selain itu Lembaga juga menetapkan kriteria penerimaan kredit minimum untuk kredit yang baru. Perkadaran kredit yang diberikan menjadi bahagian yang penting dalam analisis kredit setiap pendedahan kredit Bank. Kajian semula perkadaran kredit yang diberikan kepada setiap peminjam dilakukan setahun sekali.

Risiko kredit dikira berasaskan jangkaan frekuensi default dan jangkaan kerugian atas default daripada portfolio pinjaman dan komitmen kredit luar kunci kira-kira. Jangkaan frekuensi default diukur laras dengan model perkadaran dalaman manakala anggaran kerugian pinjaman adalah berdasarkan pengalaman default portfolio masa lalu.


Selain daripada syor-syor unit pengurusan risiko, aktiviti peminjaman dipandu oleh polisi kredit dalaman dan garis panduan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Bagi polisi-polisi ini, had nama mengawal pendedahan penuh yang dibenarkan untuk kumpulan korporat mengikut tahap nilai kredit mereka, manakala had sektor memastikan pendedahan kredit menyeluruh bagi setiap sektor ekonomi adalah pada ambang yang berhemah. Had-had ini diawasi dan dilaporkan kepada pihak pengurusan kanan setiap bulan. Penentuan harga bagi pendedahan bukan runcit Kumpulan AmBank juga dikawal oleh garis panduan pulangan tanda aras bagi memastikan pulangan minimum yang menggantikan semula risiko yang telah diambil, perbelanjaan operasi dan kos modal.

Bagi meningkatkan lagi kualiti keseluruhan pendedahan pinjaman, Lembaga juga meluluskan strategi pengurusan portfolio kredit yang direka untuk mencapai tahap toleransi risiko portfolio ideal yang dikehendaki dan pengagihan sektor untuk beberapa tahun akan datang. Strategi pengurusan portfolio ini termasuklah matlamat perkadaran kredit minimum bagi kemudahan baru, pendekatan yang lebih agresif terhadap mengurangkan pendedahan berisiko tinggi sedia ada dan pendedahan kepada sektor-sektor tertentu.

Bagi kredit runcit, satu sistem skor kredit yang dibangunkan sendiri untuk menyokong permohonan kad kredit, pinjaman perumahan dan sewa beli digunakan sebagai tambahan kepada proses penilaian kredit. Bank pada masa ini sedang meningkatkan lagi keupayaan sistem skor kredit ke tahap yang mampu melaksanakan keputusan berasaskan kredit dan kelulusan automatik bagi mempercepatkan proses kelulusan kredit.



Kumpulan terus bergantung pada perolehan tertahan untuk memperbesarkan sumber modal bagi menggerakkan perniagaan Kumpulan. Secara tradisinya, Kumpulan hanya menggunakan terbitan hak apabila perkembangan perniagaan kukuh bagi membolehkan para pemegang saham menikmati pulangan yang berlanjutan. Kumpulan juga percaya dalam mempelbagaikan sumber modalnya dan bergantung pada instrumen hibrid yang diluluskan dan instrumen hutang subordinat bertarikh panjang yang mengandungi antaranya ciri-ciri penangguhan faedah dan penyerapan kerugian. Ini adalah untuk memastikanimbangan optimum dikekalkan di antara pulangan bagi pelaburan pemegang saham dan tahap permodalan yang berhemat.



#### Objektif Pengurusan Risiko Operasi

Risiko operasi adalah potensi kerugian akibat kekurangan atau kerosakan dalaman proses, sumber manusia dan sistem atau kegagalan operasi akibat dari peristiwa luaran di dalam operasi harian Bank yang dilaksanakan bagi mencapai objektif perniagaannya yang mengehendakan atau menghalang objektif tersebut daripada tercapai. Kini semakin disedari bahawa risiko operasi merupakan risiko tunggal yang paling menular yang dihadapi oleh institusi kewangan hari ini.

Pengurusan risiko operasi merupakan satu disiplin yang mengenal pasti secara sistematik faktor potensi kritikal dan sebab-sebab kegagalan, menilai potensi kos dan meminimumkan kesan risiko tersebut melalui usaha dan polisi pengurangan risiko.

#### Struktur Pengurusan Risiko Operasi

Pengurusan risiko operasi adalah tanggungjawab Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Risiko yang mengendalikan risiko operasi. Para ahli dan jemputannya termasuklah pihak pengurusan kanan unit perniagaan dan sokongan Bank.

Polisi risiko operasi seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa akan dilaksanakan oleh unit-unit perniagaan Bank dan diawasi dan dilaporkan semula ke Jawatankuasa oleh Jabatan Pengurusan Risiko. Jawatankuasa mengkaji semula kecukupan kawalan untuk menguruskan risiko operasi berasaskan penilaian yang dilaksanakan dalam setiap unit operasi. Setiap suku tahun, Jawatankuasa akan membuat laporan kepada Jawatankuasa Pengarah Pengurusan Risiko.

## Kaedah Pengurusan

Usaha sedang dijalankan untuk melaksanakan rangka kerja dalaman bagi mengenal pasti risiko dan menilai risiko operasi. Ini akan membantu Syarikat mengatur kawasan risiko operasi yang memerlukan peningkatan selanjutnya.

Syarikat mengurangkan risiko operasi dengan meletakkan polisi, kawalan dalaman dan prosedur yang sewajarnya serta mengekalkan prosedur sandaran bagi aktiviti-aktiviti utama dan melaksanakan perancangan luar jangkaan. Ianya disokong oleh kajian bebas oleh Jabatan Audit Dalaman.

Tanggungjawab utama untuk menguruskan risiko operasi jatuh ke atas setiap jabatan operasi. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kaedah penilaian risiko akan disokong dan dikawal oleh Jabatan Pengurusan Risiko yang mana fungsinya ialah menjelaskan standard minimum, polisi dan kaedah, mengawasi pematuhan, dan mengenal pasti serta melaporkan pendedahan risiko keseluruhan Syarikat. Jabatan operasi bertanggungjawab menilai risiko operasi mereka dan mengkaji kawalan yang digunakan dari masa ke semasa secara berkala untuk memastikan langkah-langkah yang diperkenalkan kekal relevan dan bersesuaian.

### Risiko Perundangan dan Peraturan



Syarikat menguruskan risiko perundangan dan peraturan terhadap perniagaannya. Risiko perundangan timbul daripada potensi pelanggaran undang-undang dan peraturan yang terpakai, kontrak yang tidak dapat dikuatkuasakan, tuntutan mahkamah, atau penghakiman bertentangan, yang boleh mengakibatkan berlakunya kerugian, gangguan atau menghasilkan risiko kewangan dan reputasi. Risiko perundangan diurus oleh penasihat undang-undang dalaman dan jika perlu, melalui perundingan dengan penasihat undang-undang luar bagi memastikan risiko perundangan diminimumkan.

Unit Kepatuhan menguruskan risiko peraturan yang timbul daripada kemungkinan pelanggaran undang-undang dan peraturan oleh Bank. Strategi dan tugas yang dilaksanakan untuk menguruskan risiko-risiko ini termasuklah mengawal selia dan melaporkan, melatih, memberikan khidmat nasihat serta menyebarkan maklumat.

Proses mengawal selia dan melaporkan kepatuhan telah dilaksanakan untuk mengawal kepatuhan peraturan. Proses ini memerlukan bidang risiko dikenal pasti, mengatur keutamaan risiko-risiko ini, dan mencadangkan langkah kawalan untuk meminimumkan risiko-risiko ini. Kawalan dijalankan melalui persijilan diri serta laporan bulanan, suku tahunan dan laporan khas. Usaha sedang dijalankan untuk terus meningkatkan keseluruhan proses dengan membolehkan kawalan dan laporan dijalankan secara on-line.

Semua kakitangan menjalani Latihan Kesedaran Kepatuhan yang berterusan mengenai peraturan perbankan dan peraturan lain yang berkaitan. Penilaian juga dijalankan untuk menentukan kefahaman kakitangan mengenai topik-topik yang telah diajar. Ini adalah penting untuk menjadikan kakitangan faham dengan peraturan baru, membentuk kemahiran mereka dalam mengenal pasti isu-isu kepatuhan serta penghargaan terhadap etika korporat yang baik.


Unit Kepatuhan juga memberi nasihat terhadap semua bahagian peraturan yang berkenaan dengan Bank. Ini termasuklah melaksanakan langkah-langkah dan prosedur dalaman organisasi untuk membantu kepatuhan peraturan baru. Untuk terus mempromosikan kefahaman, penggunaan dan kepatuhan dengan peraturan ini, Unit mengadakan taklimat, menyebarkan maklumat serta mengetuai usaha koordinasi.

Repositori Pematuhan, sebuah e-perpustakaan yang membolehkan akses mudah kepada undang-undang melalui kaedah carian yang pelbagai, terus membantu melayani kakitangan sebagai peralatan sumber yang penting. Akses yang mudah kepada peraturan adalah penting untuk memudahkan kakitangan dalam tugas harian mereka serta mendidik kakitangan yang baru menyertai organisasi.



## Kumpulan AmBank

Segala Keperluan Perbankan Islam Anda  
Di Bawah Satu Bumbung



Melangkahlah ke Pusat Perbankan Islam Kumpulan AmBank, di mana anda akan dapati pelbagai produk dan perkhidmatan Perbankan Islam tersedia di bawah satu bumbung. Di sini, kami akan membantu memenuhi segala keperluan perbankan anda. Inilah yang anda harapkan daripada penyedia Perkhidmatan Perbankan Islam yang terulung di Malaysia. Hubungi Pusat Perbankan Islam kami di talian 03-2031 1888 hari ini!

[ambg.com.my](http://ambg.com.my)





# Tinjauan Ekonomi

*Ulasan dan Tinjauan Ekonomi Malaysia*

## PERKEMBANGAN TAHUN 2003


Ekonomi Malaysia mencatatkan prestasi yang lebih kukuh pada tahun 2003. Walaupun dalam ketidaktentuan keadaan geopolitik dan ekonomi global berikutan perang Iraq dan wabak SARS (Sindrom Pernafasan Akut Teruk), Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar meningkat sebanyak 4.6% pada setengah tahun pertama tahun lalu berbanding 2.5% bagi tempoh yang sama pada tahun 2002.

Pertumbuhan pada setengah tahun kedua naik mendadak kepada 6.0% hasil daripada permintaan luaran dan domestik yang tinggi. Purata pertumbuhan bagi keseluruhan tahun 2003 meningkat kepada 5.3% daripada 4.1% pada tahun 2002. Berbanding tahun 2001, KDNK sebenar Malaysia berkembang sebanyak 9.7%.



54

### KDNK, Agregat Permintaan Domestik & Eksport (% YoY)



### Prestasi Permintaan

Pertumbuhan pada 2003 adalah bersifat menyeluruh dimana permintaan domestik dan luaran mencatatkan peningkatan yang kukuh. Permintaan domestik terus memacu pertumbuhan, dan sumbangannya terhadap pertumbuhan KDNK keseluruhan meningkat kepada 5.3 peratus poin (pp) pada tahun 2003 berbanding 3.7 pp pada tahun sebelumnya dengan kadar pertumbuhan meningkat kepada 5.9% berbanding 4.2% pada 2002. Permintaan domestik meningkat kerana perbelanjaan sektor swasta yang lebih kukuh. Berbanding dengan kenaikan sebanyak 0.7% pada 2002, perbelanjaan swasta telah meningkat sebanyak 5.6% pada 2003, lanjutan dari dasar kewangan yang mengalakkan dan sentimen pengguna yang kian baik. Mengikut sektor, perbelanjaan swasta merupakan penyumbang terbesar kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan pada 3.2 pp.

## KDNK Sebenar Mengikuti Agregat Permintaan

% Perubahan	2000	2001	2002	2003	2004F	2005F
<b>Penggunaan</b>	<b>10.5</b>	<b>5.4</b>	<b>6.1</b>	<b>7.4</b>	<b>7.6</b>	<b>6.5</b>
Awam	1.6	17.3	11.9	10.0	5.1	1.5
Swasta	13.0	2.4	4.4	6.6	8.3	8.0
<b>Pembentukan Modal (tolak stok)</b>	<b>25.7</b>	<b>-2.8</b>	<b>0.3</b>	<b>2.7</b>	<b>3.2</b>	<b>4.1</b>
Awam	19.4	14.5	9.8	3.6	-0.6	-1.3
Swasta	32.6	-19.9	-13.1	1.1	10.0	13.1
<b>Agregat Permintaan Dom.</b>	<b>15.5</b>	<b>2.5</b>	<b>4.2</b>	<b>5.9</b>	<b>6.2</b>	<b>5.7</b>
Awam	11.2	15.7	10.7	6.4	-2.2	0.0
Swasta	17.5	-3.3	0.7	5.6	9.3	8.9
Eksport	16.1	-7.5	4.5	6.3	10.1	7.3
Import	24.4	-8.6	6.3	5.0	11.1	6.5
<b>KDNK Sebenar</b>	<b>8.9</b>	<b>0.3</b>	<b>4.1</b>	<b>5.3</b>	<b>6.8</b>	<b>6.0</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia F: Ramalan AmBank

Penggunaan dan pelaburan swasta mencatatkan peningkatan pada tahun 2003. Penggunaan swasta meningkat sebanyak 6.6% dari 4.4%, manakala perbelanjaan pembentukan modal oleh sektor swasta naik sebanyak 1.1% selepas mencatatkan penurunan 13.1% pada tahun 2002. Jumlah pembentukan modal tetap (melainkan stok) telah meningkat dengan pantas pada kadar 2.7% tahun lalu (2002: 0.3%) walaupun pembentukan modal awam menunjukkan pertumbuhan yang lebih perlahan pada kadar 3.6% berbanding 9.8% pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, akibat penurunan stok, sumbangan pembentukan modal (termasuk stok) terhadap pertumbuhan KDNK secara keseluruhan memperlihatkan penurunan 1.2 pp berbanding pertambahan sebanyak 1.8 pp pada tahun 2002. Oleh yang demikian, sebagai nisbah kepada KDNK, pembentukan modal mencatatkan penurunan kepada 22.7% pada tahun lalu berbanding 25.5% pada tahun 2002 dan kadar tertinggi pasca-krisis sebanyak 29.7% pada tahun 2000.

Sebaliknya, nisbah jumlah simpanan kepada KDNK telah meningkat kepada 36.3%, menunjukkan bahawa terdapat lebih sumber yang besar dalam ekonomi (13.7% berbanding 9.1% pada tahun 2002) dan memperlihatkan jurang di antara potensi dan pertumbuhan yang sebenar.

Eksport barangan dan perkhidmatan juga merekodkan pertumbuhan sebenar yang pantas sebanyak 6.3% pada tahun 2003 berbanding 4.5% pada 2002, memperlihatkan peningkatan perolehan bagi kedua-dua komoditi utama dan pengeluaran. Manakala import mencatatkan kadar pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 5.0% berbanding peningkatan sebanyak 6.3% pada 2002. Eksport bersih mencatatkan pertumbuhan mendadak sebanyak 20.5% pada tahun 2003 berbanding -11.4% pada 2002. Justeru, eksport bersih menyumbang 2.0 pp kepada pertumbuhan KDNK keseluruhannya pada 2003 daripada -1.3 pp pada 2002.

## Sumbangan Kepada Pertumbuhan - Permintaan

Peratus Poin	2000	2001	2002	2003	2004F	2005F
<b>Penggunaan</b>	<b>5.9</b>	<b>3.0</b>	<b>3.6</b>	<b>3.5</b>	<b>4.7</b>	<b>4.0</b>
Awam	0.2	2.0	1.6	1.4	0.8	0.2
Swasta	5.7	1.1	2.0	3.1	3.9	3.8
<b>Pembentukan Modal (tolak stok)</b>	<b>6.9</b>	<b>-0.9</b>	<b>0.1</b>	<b>0.8</b>	<b>0.9</b>	<b>1.1</b>
Awam	2.7	2.2	1.7	0.7	-0.1	-0.2
Swasta	4.1	-3.1	-1.6	0.1	1.0	1.3
Stok	1.1	-2.2	1.7	-1.9	0.2	-0.6
<b>Agregat Permintaan Dom.</b>	<b>12.7</b>	<b>2.2</b>	<b>3.7</b>	<b>5.3</b>	<b>5.7</b>	<b>5.1</b>
Awam	2.9	4.2	3.3	2.1	0.4	0.0
Swasta	9.8	-2.0	0.4	3.2	5.3	5.2
Eksport	17.6	-8.8	4.8	6.9	11.2	8.2
Import	22.6	-9.1	6.1	4.9	10.2	6.6
<b>Eksport Bersih</b>	<b>-5.0</b>	<b>0.3</b>	<b>-1.3</b>	<b>2.0</b>	<b>0.3</b>	<b>1.5</b>
<b>KDNK Sebenar</b>	<b>8.9</b>	<b>0.3</b>	<b>4.1</b>	<b>5.3</b>	<b>6.8</b>	<b>6.0</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia F: Ramalan AmBank




## Prestasi Bekalan

Kesemua sektor ekonomi mencatatkan pertumbuhan dan memberikan sumbangan positif terhadap pertumbuhan KDNK keseluruhan untuk 2003. Sektor pembuatan, pertanian dan perlombongan telah menunjukkan pertumbuhan yang kukuh dengan masing-masing mencatat 8.3% dan 5.7% dan 5.9% berbanding 4.1%, 2.6% dan 4.0% pada 2002. Justeru sektor pembuatan telah memberi sumbangan yang lebih besar iaitu 2.5 pp kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan untuk tahun 2003 berbanding 1.2 pp pada tahun 2002. Pertanian juga telah meningkatkan sumbangannya sebanyak 0.5 pp berbanding 0.2 pp manakala perlombongan meningkat 0.4 pp berbanding 0.3 pp.

Sektor pembuatan secara umumnya mencatatkan kenaikan yang kukuh disebabkan peningkatan permintaan domestik dan eksport. Manakala industri berorientasikan domestik meningkat sebanyak 10.5% pada tahun 2003 dari 4.9% pada 2002, industri berorientasikan eksport meningkat sebanyak 9.9% berbanding 4.6%. Sementara itu, industri barangan elektrik dan elektronik (E&E) telah mencatatkan kenaikan 10.0% pada 2003, melebihi 8.3% pada tahun 2002.

### KDNK, Pembuatan, Perkhidmatan (% YoY)



Pertumbuhan yang lebih cepat di sektor pertanian telah didorong oleh peningkatan pengeluaran minyak sawit dan getah lanjutan dari pengukuhan harga komoditi. Manakala peningkatan sektor perlombongan pula menjadi semakin kukuh dengan kenaikan pengeluaran minyak mentah dan gas. Bagi keseluruhan tahun 2003, pengeluaran minyak mentah Malaysia telah meningkat sebanyak 5.0% manakala pengeluaran gas bertambah 6.5% berbanding dengan 2.8% dan -0.5% pada 2002.

### KDNK Sebenar Mengikut Sektor

% Perubahan	2000	2001	2002	2003	2004F	2005F
Pertanian	6.0	-0.6	2.6	5.7	1.2	2.7
Perlombongan	0.3	-1.5	4.0	5.9	5.2	2.5
Pembuatan	18.3	-5.9	4.1	8.3	10.3	8.1
Pembinaan	0.6	2.1	2.3	2.0	2.4	2.5
Perkhidmatan	6.7	6.0	6.4	4.4	6.2	5.6
<b>KDNK Sebenar</b>	<b>8.9</b>	<b>0.3</b>	<b>4.1</b>	<b>5.3</b>	<b>6.8</b>	<b>6.0</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia F: Ramalan AmBank

## Sumbangan Kepada Pertumbuhan - Sektor

Peratus Poin	2000	2001	2002	2003	2004F	2005F
Pertanian	0.6	-0.1	0.2	0.5	0.1	0.2
Perlombongan	0.0	-0.1	0.3	0.4	0.4	0.2
Pembuatan	5.4	-1.9	1.2	2.5	3.2	2.6
Pembinaan	0.0	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
Perkhidmatan	3.7	3.2	3.6	2.6	3.5	3.2
Item Lain	-0.8	-0.9	-1.3	-0.7	-0.4	-0.2
<b>KDNK Sebenar</b>	<b>8.9</b>	<b>0.3</b>	<b>4.1</b>	<b>5.3</b>	<b>6.8</b>	<b>6.0</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia F: Ramalan AmBank

Sementara itu sektor perkhidmatan terus kukuh dan berkembang sebanyak 4.4% pada 2003 daripada 6.4% pada 2002 walaupun beberapa subsektor terutamanya yang berkaitan dengan pelancongan dan perniagaan runcit menerima kesan akibat perang Iraq dan jangkitan wabak SARS pada separuh tahun pertama. Peningkatan aktiviti pembuatan dan permintaan domestik yang berkekalan secara asasnya membantu menyokong prestasi sektor ini. Secara purata, sektor perkhidmatan telah menyumbang sebanyak 2.6 pp kepada pertumbuhan keseluruhan KDNK, kurang sedikit berbanding 3.6 pp yang dicatatkan pada 2002. Sektor ini kekal sebagai penyumbang terbesar dengan bahagian sebanyak 57.6% untuk keseluruhan KDNK.

Pembinaan pula meningkat sebanyak 2.0% pada 2003 berbanding 2.3% pada 2002. Secara keseluruhannya perkembangan dalam sektor ini adalah lanjutan dari perbelanjaan pembangunan sektor awam yang lebih besar. Ia juga memperoleh faedah dari dasar kewangan Kerajaan yang akomodatif.

## Dagangan Luar & Akaun Semasa

Dagangan luar Malaysia menunjukkan prestasi yang lebih kukuh pada tahun 2003. Sepanjang tahun 2003, eksport mencatatkan pertumbuhan pantas sebanyak 11.4% berbanding 7.0% pada tahun 2002. Pengukuhan eksport pada tahun 2003 telah disokong oleh perolehan yang lebih tinggi daripada komoditi utama, terutamanya petroleum dan minyak sawit berikutan kenaikan harga. Eksport minyak mentah dan gas naik sebanyak 33.6% (2002: -2.0%), eksport sawit meningkat sebanyak 36.0%. Secara purata, harga minyak mentah telah meningkat sebanyak 17.2% pada tahun 2003 kepada US\$30.5 satu tong, manakala harga minyak sawit pula meningkat sebanyak 16.3% kepada RM1,579 satu tan.

Pada masa yang sama, eksport barangan pengeluar mencatatkan kelembapan pada tahun 2003 dengan pertumbuhan hanya sebanyak 2.5% berbanding 5.2% pada tahun sebelumnya. Ia berpunca dari pendapatan yang lebih rendah daripada produk elektrik dan elektronik (E&E). Berbanding dengan pertumbuhan pada kadar 4.4%, pada tahun 2002, eksport E&E jatuh sebanyak 1.5% pada tahun 2003.

Dari segi import pula, tahun 2003 menunjukkan peningkatan yang perlahan. Import sepanjang tahun 2003 berada pada tahap 4.8% dalam berbanding 8.2% pada 2002. Import yang lembap pada 2003 adalah

akibat penurunan yang ketara dalam pembelian barangan perantara disertai pula oleh penurunan dalam penggunaan dan import barangan modal.

Lebih dalam baki dagangan juga bertambah kepada RM80.7 bilion tahun lalu berbanding RM54.6 bilion pada tahun 2002. Jumlah ini adalah lebihan yang terbesar yang pernah dicatatkan oleh negara ini, melebihi jumlah tertinggi sebelumnya sebanyak RM73.1 bilion pada tahun 1999. Lanjutan daripada lebihan dagangan yang besar ini, akaun semasa Malaysia pada keseluruhan dalam tahun 2003 mencatatkan lebihan yang lebih tinggi sebanyak RM50.8 bilion atau 13.7% KDNK berbanding dengan RM30.5 bilion atau 9.1% KDNK pada 2002. Jumlah ini adalah lebihan dalam akaun semasa yang terbesar yang pernah dicapai dan melebihi rekod sebelum ini sebanyak RM47.9 bilion atau 17.1% yang dicatatkan pada tahun 1999.

## Imbangan Bayaran Semasa

RM bilion	2001	2002	2003	2004F	2005F
Baki Akaun Semasa	27.7	30.5	50.8	50.2	41.7
% KNK	9.0	9.1	13.7	12.5	9.7
Imbangan Dagangan	69.9	72.1	97.7	96.7	91.2
Imbangan Perkhidmatan	-8.4	-6.0	-15.0	-10.3	-10.6
Imbangan Pendapatan	-25.6	-25.1	-22.5	-25.5	-28.4
Pemindahan Bersih	-8.2	-10.6	-9.3	-10.6	-10.5
KDNK Sebenar (%YoY)	0.3	4.1	5.2	6.8	6.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia F: Ramalan AmBank




## Akaun Kewangan dan Rizab Luaran

Akaun kewangan bagi baki pembayaran pada 2003 terus mencatatkan defisit sebanyak RM12.1 bilion, tinggi sedikit berbanding RM11.9 bilion yang dicatatkan pada tahun 2002. Ia adalah kerana aliran keluar bersih yang lebih tinggi lanjutan daripada pembayaran hutang rasmi. Defisit yang lebih kecil dalam pelaburan sektor swasta sebanyak RM9.3 bilion (2002: RM15.1 bilion) adalah berikutan pembayaran hutang yang lebih rendah oleh sektor swasta serta peningkatan aliran masuk pelaburan asing jangka panjang atau yang membantu menampung defisit tersebut dalam akaun kewangan keseluruhannya.

Ketika lebih akaun semasa meningkat kukuh, baki keseluruhan bagi lebih pembayaran yang ditunjukkan oleh rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) telah meningkat kepada RM170.6 bilion (US\$44.9 bilion) pada penghujung Disember 2003 dari RM131.5 bilion (US\$34.6 bilion) pada akhir 2002. Tahap ini adalah yang tertinggi yang pernah dicapai Malaysia, dan mampu membiayai anggaran 7.2 bulan import tertanggung berbanding 5.4 bulan pada tahun 2002. Sebagai nisbah hutang jangka pendek (RM24.6 bilion), perlindungan rizab luaran telah bertambah dengan ketara kepada 5.1 kali pada 2003 daripada 4.5 kali pada 2002.

### Rizab Luaran & Simpanan Inst. Kew. dengan BNM




Sementara itu, hutang luar Malaysia naik sebanyak RM1.6 bilion kepada anggaran RM187.3 bilion pada tahun 2003. Oleh itu, sebagai sebahagian dari KDNK, ia merosot kepada 47.8% daripada 51.5% yang dicatatkan pada tahun 2002. Hutang luar Kerajaan Persekutuan terdiri daripada anggaran

19.9% jumlah hutang luar (dan kebanyakannya adalah hutang jangka sederhana

dan panjang) manakala syarikat awam bukan-kewangan dan sektor swasta masing-masing 31.8% dan 29.9%. Hutang Kerajaan Persekutuan kekal dan dianggarkan sebanyak 24.6% daripada rizab jumlah antarabangsa pada tahun 2003. Oleh itu, nisbah perkhidmatan hutang luaran Kerajaan Persekutuan kekal rendah pada 1.2% untuk tahun 2003. Dianggarkan 70.0% daripada hutang Kerajaan Persekutuan adalah dalam Dolar Amerika, 18.0% dalam Yen dan selebihnya dalam mata wang yang lain.

### Hutang Luar & Nisbah Berbanding KDNK





## Prospek 2004

Ekonomi global dijangka akan terus bertambah baik pada tahun 2004 hasil pertumbuhan kukuh ekonomi negara-negara maju, yang diterajui oleh AS. Secara keseluruhannya keluaran dunia dijangka berkembang sebanyak 4.1% tahun ini dari 3.2% pada tahun 2003. Di AS, sektor pengeluaran dan perkhidmatan menunjukkan perkembangan, pertumbuhan dalam produktiviti kekal kukuh dan pembentukan pekerjaan bertambah baik. Di Jepun, data KDNK bagi suku terakhir 2003 dan suku pertama 2004 adalah lebih kukuh daripada yang dijangka. Keyakinan perniagaan yang bertambah baik, pelaburan yang lebih kukuh dan eksport yang meningkat akan membantu mengekalkan pemulihan ekonomi Jepun.

Sementara itu, walaupun keadaan permintaan domestik secara asasnya adalah perlahan akibat peningkatan dalam pengangguran pertumbuhan zon Euro dijangka akan terus meningkat pada tahun ini berdasarkan eksport dan pelaburan yang meningkat, lanjutan dari kadar faedah yang rendah.

Menurut unjuran Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), ekonomi Asia akan terus menikmati pemulihan ekonomi pada tahun 2004, dan akan mencatatkan kadar pertumbuhan yang melebihi 6.0% berbanding 5.9% pada tahun 2003 apabila rantau ini pulih daripada kesan virus SARS. Pertumbuhan pada tahun 2004 akan disokong oleh permintaan luar dan domestik.

Ekonomi Malaysia juga dijangka akan mencatatkan prestasi yang baik bagi 2004 sejajar dengan rakan-rakan serantaunya dan mencerminkan ekonomi global yang bertambah baik. Jelas, ekonomi pada awal tahun bermula dengan keadaan luaran yang bertambah baik berbanding tempoh yang sama setahun lalu. Asas yang lebih kukuh juga telah dibentuk berikutan perkembangan yang lebih mantap sebanyak 7.6% pada suku pertama 2004. Berdasarkan permintaan luaran dan domestik yang lebih kukuh, KDNK sebenar bagi tahun 2004 dijangka akan mencatat pertumbuhan sebanyak 6.8%. Dalam Laporan Tahunan 2003, Bank Negara Malaysia menjangkakan pertumbuhan KDNK sebenar Malaysia tahun ini adalah di antara 6.0% dan 6.5%.

Oleh kerana sektor awam akan menjalani konsolidasi dalam tahun 2004 untuk mengurangkan defisit fiskal, dasar kewangan akan kekal sesuai untuk menggalakkan inisiatif swasta. Sektor swasta akan kembali menjadi penggerak pertumbuhan. Ini akan disokong melalui suasana perniagaan yang bertambah baik dan keyakinan pengguna yang bertambah kukuh dalam keadaan pasaran modal yang secara relatifnya stabil, kadar faedah yang rendah dan pendapatan yang meningkat.

Sementara itu ketidaktentuan di peringkat antarabangsa termasuk kenaikan harga minyak, peningkatan kadar faedah AS dan kemerosotan ekonomi China mungkin memberi kesan terhadap prestasi ekonomi global untuk tahun akan datang. Walau bagaimanapun, Malaysia dijangka mengekalkan kadar pertumbuhan yang selesa sekurang-kurangnya 6.0% untuk tahun 2005 dengan mengambil kira asasnya yang kukuh serta kepelbagaian sumber ekonominya. Tambahan lagi, sektor swasta berkemungkinan besar akan menunjukkan prestasi yang lebih kukuh lanjutan dari perbelanjaan pelaburan yang lebih tinggi dalam keadaan kadar faedah yang rendah. Pada masa yang sama, eksport akan terus memberi sumbangan positif terhadap pertumbuhan KDNK keseluruhan dalam tahun 2005 walaupun ia mungkin menunjukkan kesederhanaan akibat keadaan ekonomi global yang lebih perlahan.

